

23/09/1998

MMA'96: Komponen utama MSC berfungsi

PAMERAN dan persidangan Multimedia Asia 96 (MMA 96), mengetengahkan beberapa tokoh dan peramal IT mampu menjadi platform untuk mendapatkan maklumat terkini bagi pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

MMA 96 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1 hingga 4 Ogos 1996 menampilkan lebih 20 pakar tempatan dan antarabangsa yang membincangkan aspek pembangunan MSC.

Perbincangan menggariskan bagaimana industri boleh menawarkan teknologi digital terbaik kepada pentadbiran awam, perkhidmatan pengurusan lapangan terbang dan aplikasi komersil infrastruktur komunikasi dan pengangkutan.

Tiga komponen utama MSC itu akan berfungsi sebagai pelanggan utama multimedia, perkhidmatan dan produk komunikasi.

Persidangan dan pameran empat hari itu, turut memberi tumpuan kepada usaha mengetengahkan potensi MSC serta menggalakkan perkongsian secara bijaksana di antara syarikat tempatan dan multinasional dalam menyertai projek MSC.

Perbincangan yang telah diadakan membolehkan pembuat keputusan melihat dan merangka untuk menghasilkan kejayaan penyertaan mereka dalam MSC.

Pelbagai topik dibincangkan, antaranya ialah Harapan Pelabur Terhadap MSC yang mana topik ini menekankan kepada bagaimana MSC membuka peluang keemasan kepada industri IT dan multimedia apabila ia direka bentuk untuk menjadi sektor strategik yang diberi perhatian dalam pembangunan negara pada Rancangan Malaysia Ke-7.

MMA 96 menghimpunkan kira-kira 50 syarikat tempatan dan antarabangsa untuk mempamerkan produk mereka di kawasan 3,000 meter per segi di tingkat 3 dan 4 PWTC dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut menyampaikan ucaptama.

Pameran terbahagi kepada prasarana sistem rangkaian, pembangunan aplikasi seperti penerbitan, hiburan, penyiaran dan kabel, pengedaran, think tank Putrajaya (penyedia perkhidmatan dalam talian, pembangun produk Internet, video digital) serta beberapa sektor industri seperti pengeluaran, prasarana, perkhidmatan, telekomunikasi dan teknologi maklumat.

Pameran itu mampu menarik lebih 20,000 pengunjung dari dalam dan luar negara.

Antara acara menarik ialah pertandingan Anugerah Kreatif yang akan memaparkan elemen kemanusiaan dalam persembahan dan penerbitan multimedia.

(END)